

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN MEI 2023

1. KURSUS KOMUNIKASI KORPORAT & PENGURUSAN KAUNTER.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menjalankan Kursus Komunikasi Korporat & Pengurusan Kaunter pada 02 Mei 2023. Kursus ini berlangsung di Bilik Mesyuarat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang.

Kursus ini telah dihadiri seramai 28 peserta dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang. Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Punitha a/p Sivaraman dari Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Wilayah Utara (INTURA). Objektif kursus adalah mempamerkan komunikasi berkesan secara verbal dan non- verbal, mempamerkan sikap positif dan layanan yang professional kepada pelanggan, menerangkan konsep perkhidmatan kaunter yang berkesan serta menyusun dan mengatur persekitaran kaunter yang mesra pelanggan.



Para peserta yang terlibat



Aktiviti yang dijalankan



Aktiviti yang telah dijalankan



Aktiviti yang telah dijalankan



Cenderahati untuk penceramah

2. MAJLIS BACAAN YASIN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI BULAN MEI 2023.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menyertai Majlis Bacaan Yasin JANM Mei 2023 secara *live streaming* pada 12 Mei 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat JANMPP bermula jam 8.30 pagi yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) dan Agensi dengan kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN).

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Dengan segala hormatnya kami menjemput dan mempersilakan
Dato'/Datin/Tuan/Puan/Encik/Cik
Warga JANM

ke Majlis Bacaan Yasin
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
MEI 2023

12 MEI 2023 (JUMAAT)
22 SYAWAL 144H

MUSOLLA
AL-KHAWARIZMI
ARAS 6, JANM

<https://tinyurl.com/yasin-mei2023>

Agenda

- 8:15 pg Ketibaan Warga JANM
- 8:20 pg Ketibaan TAN(O) & Pengarah Bahagian
- 8:25 pg Ketibaan ANM
- 8:30 pg Bacaan Yasin & Doa Selamat
- 9:00 pg Jamuan Ringan & Bersurai

Sumbangan ikhlas
MALAYSIA MADANI
ANJURAN
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat & JHEAIN
ASIN BANK
Surau Al-Khawarizmi
105490008407

Hebahan

3. MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 19 Mei 2023. Majlis diadakan di ruang kerja Seksyen Pengurusan JANMPP. Majlis ini telah dihadiri oleh wakil bagi setiap PTJ di negeri Pulau Pinang dan wakil dari pihak bank. Majlis ini dijalankan bagi mengeratkan silaturahmi bersama warga JANMPP.



Warga JANMPP



Pemenang gerai tercantik



Jejaka JANMPP

4. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI BULAN MEI 2023.

Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi bulan Mei 2023 bermula jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah mengikuti sesi perhimpunan ini secara *live streaming* bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 42, JANMPP.

MALAYSIA MADANI

PERHIMPUNAN BULANAN JANM MEI 2023

Tema:
“MALAYSIA MADANI”

22 MEI 2023 | ISNIN | 8.30 PAGI
DEWAN SERBAGUNA ARAS 7, JANM, PUTRAJAYA

Dirasmikan Oleh:
YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa
Akauntan Negara Malaysia

Anjuran:
Bahagian Pengurusan Audit Dalam

Hebahan



Mengikuti perhimpunan secara *live streaming*



Warga JANMPP yang mengikuti secara *live streaming* di dalam Bilik Mesyuarat

5. KURSUS GENERIK – PENGURUSAN DAN PERAKAUNAN ASET (ZON UTARA).

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik- Pengurusan dan Perakaunan Aset (Zon Utara) pada 23 – 25 Mei 2023. Kursus ini bertempat di Bilik Latihan Tingkat 40, JANMPP. Kursus ini telah dihadiri seramai 28 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan.

Kursus telah disampaikan oleh Encik Muhammad Hafizul bin Md Hadzir, Encik Mat Sobri bin Mat Saad dan Puan Noor Ain Binti Tajuddin dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.



Peserta Kursus



Peserta Kursus Pengurusan dan Perakaunan Aset



Peserta Kursus Pengurusan dan Perakaunan Aset




Peserta bergambar kenangan bersama penceramah

6. EKPLORASI MINDA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) SIRI 3/2023.

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menganjurkan Kursus Eksplorasi Minda Bertajuk Penagih Media Sosial (Medsos) : kerja Terabai pada 29 Mei 2023 (Isnin) dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang secara atas talian melalui peranti di tempat masing-masing. Kursus ini disampaikan oleh Aris Abdul Rahman (Human Resource Training Expert). Seramai 27 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini.

The poster features the Malaysian coat of arms at the top center, with the text 'KEMENTERIAN KEKAWANAN' and 'JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA' below it. The main title is 'EKSPLOKASI MINDA BIL.3/2023' in large white letters on a blue background. Below this, a blue banner contains the text 'PENAGIH MEDSOS: KERJA TERABAI'. The date and location are listed as '29 MEI 2023 (ISNIN)' and 'DEWAN SERBAGUNA ARAS 7, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA'. A QR code is provided with the instruction 'SILA SCAN QR CODE UNTUK PERMOHONAN'. The speaker's name and title are 'ARIS ABDUL RAHMAN (HUMAN RESOURCE TRAINING EXPERT)'. On the right side, there is a portrait of Aris Abdul Rahman, a man with glasses wearing a suit and tie, with a name tag that says 'ARIS'. The background of the poster is blue with faint social media icons.

Hebahan



Sebahagian peserta mengikuti secara atas talian di ruang kerja pegawai



Sebahagian peserta mengikuti secara atas talian di ruang kerja pegawai

7. KURSUS REFRESHER GAJI MODUL HCM SISTEM iGFMAS.

Unit Gaji Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Kursus Refresher Gaji Modul HCM Sistem iGFMAS pada 31 Mei 2023 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Kursus ini telah dijalankan secara bersemuka. Seramai 28 orang peserta dari pelbagai PTJ telah menghadiri taklimat ini. Kursus ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran pegawai di PTJ yang terlibat secara langsung dalam membuat gaji di jabatan masing-masing.



Para peserta yang terlibat



Para peserta bergambar kenangan